

20/04/1999

## Mengekalkan identiti Melayu Kampung Baru

Hashim Md Isa

Di tengah hiruk-pikuk ibu kota yang tersergam deretan bangunan pencakar langit, wujud perkampungan Melayu yang berusia lebih 100 tahun. Di perkampungan Melayu inilah bermula sejarah Kuala Lumpur yang kini menjadi pusat pentadbiran dan komersil negara.

Perkampungan utama yang mewarnai ibu kota termasuk Kampung Haji Abdullah Hukum, Kampung Baru, Kampung Datuk Keramat, Kampung Batu Muda, Kampung Pandan, Kampung Kerinchi, Sungai Pencala dan Ulu Klang. Suasana di perkampungan ini tidak lagi sehening zaman silam ketika kereta lembu menjadi kaedah pengangkutan sebaliknya ia kini dihipit pembangunan di sekelilingnya.

Sebenarnya penduduk perkampungan Melayu seperti Kampung Baru bukanlah penduduk asalnya. Mereka adalah orang Melayu dari luar Kuala Lumpur yang dipindahkan dari seluruh pelusuk Tanah Melayu (kini Semenanjung Malaysia) oleh penjajah Inggeris, kata ahli sejarah, Prof Datuk Khoo Kay Kim. Penjajah Inggeris membuka Kampung Baru sebagai pusat penempatan baru bagi orang Melayu yang berkhidmat dengan kerajaan. Mereka diberi hak milik tanah bagi mendirikan rumah.

Perkampungan Melayu berubah mengikut arus perkembangan Kuala Lumpur. Banyak kawasan perumahan dan pusat komersil dibangunkan mengikut pelan struktur yang dibenarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang diajukan pemaaju dengan persetujuan pemilik tanah. Bagaimanapun, masih banyak kawasan di perkampungan Melayu termasuk Kampung Melayu yang masih ketinggalan.

Kampung Baru berupa Tanah Rizab Melayu seluas 100 hektar yang terletak di kawasan 'Segi Tiga Emas' dan dimiliki kira-kira 2,600 orang Melayu. Ia adalah hartanah kepunyaan orang Melayu yang terbesar dan termahal di negara ini. Perkampungan di tengah ibu kota ini masih lagi ketinggalan, mundur dari segi pembangunan, sesak, tidak teratur dan didiami pemilik tanah sendiri atau disewakan.

Keadaannya di sesetengah kawasan seolah-olah tidak terurus dengan bangunan lama dan baru bercampur-baur. Kawasan bangunan baru berkenaan dimajukan oleh pengusaha Melayu dengan persetujuan tuan tanah. Pemaaju membina apartmen atau kedai yang kemudian dijual atau disewakan dengan pemilik tanah diberi satu atau dua unit rumah selain wang.

Satu konsep pembangunan yang menyeluruh dirangka dalam Pelan Pembangunan Kampung Baru bernilai RM2 bilion membabitkan kawasan seluas 16 hektar. Pelan yang disediakan adalah sesuai dan boleh memberi keuntungan kepada pemilik dan pemaaju berdasarkan lokasi yang strategik.

Ia adalah rancangan pembangunan bercampur, iaitu membabitkan projek perumahan, pusat komersil dan perniagaan supaya selaras dengan pembangunan di persekitaran. Secara tidak langsung akan meninggikan nilai hartanah orang Melayu di samping kawasan itu menjadi tumpuan dan pusat aktiviti perniagaan yang berpotensi. Kerajaan percaya jika tiada pelan pembangunan itu, pembangunan kawasan berkenaan tidak akan tersusun.

Projek berharga RM2 bilion itu belum dapat dilaksanakan berikutan tuntutan pampasan tanah dan rumah yang terlalu tinggi yang diminta pemilik tanah selain pemilikan tanah yang bertindih. Sesetengah penduduk pula mahu mempertahankan Kampung Melayu itu atas prinsip, maruah dan nostalgia orang Melayu di ibu kota.

Oleh itu, Kampung Baru tersisih daripada pembangunan kerana tiada kesepakatan pemilik tanah untuk bersetuju dengan pelan induk kerajaan bagi

memajukannya. Di sebalik kealpaan itu, kawasan pinggirnya membangun pesat. Sebuah projek Putra LRT yang menghubungkan Pasar Seni hingga Setiawangsa dan projek lebuh raya tinggi di pinggirnya sedang rancak dijalankan.

Kerajaan, bagaimanapun, berjaya mendapat persetujuan penduduk Kampung Abdullah Hukum di Bangsar supaya kampung berkenaan dimajukan. Walaupun ada penentangan tetapi akhirnya penduduk bersetuju menerima pampasan dan berpindah ke dua apartmen yang disediakan di kawasan itu, iaitu Putra Ria dan Putra. Pembangunan kini pesat di jalan di kampung itu untuk mewujudkan kawasan komersil Mid-Valley City.

Prof Khoo berpendapat, penduduk kampung di Kuala Lumpur terutama Kampung Baru perlu mengubah corak pemikiran mereka. Pemikiran lama sudah tidak sesuai lagi dengan kehidupan sekarang. Mereka harus sedar bahawa perkampungan itu perlu berubah mengikut arus pembangunan seperti kawasan di sekitarnya. Beliau berkata, di Singapura umpamanya, banyak perkampungan Melayu sudah berubah dan dimajukan sebagai pusat perdagangan. Masyarakat yang dulunya tinggal di kawasan itu dapat hidup selesa di samping dapat menikmati keselesaan pembangunan.

Oleh itu, agak sukar juga sekiranya penduduk di Kampung Baru mengekalkan kehidupan secara tradisional kerana mereka akan ketinggalan dan mundur berbanding penempatan lain yang sanggup menghadapi pembangunan.

"Faktor lain yang mungkin menjejaskan pembangunan Kampung Baru ialah masalah taraf Tanah Rizab Melayu yang diwujudkan penjajah Inggeris untuk memanjangkan kuasa politiknya di Tanah Melayu sebelum merdeka. Persatuan Melayu Selangor pernah melahirkan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan Inggeris pada waktu itu kerana mengekalkan status tanah milik mereka sebagai tanah rizab.

"Mereka berasa seolah-olah digolongkan seperti Red Indian di Amerika Syarikat yang hanya mampu bermegah dengan tanah simpanan yang dikhaskan untuk mereka sedangkan kaum itu hidup terpinggir. Persatuan Melayu Selangor mahukan status tanah itu dipinda agar dapat dibangunkan kerana negeri ini adalah tanah air mereka," katanya.

Bagi orang Melayu, tanah amat penting kerana ia dianggap sebagai lambang mempertahankan kedaulatan Melayu. Tetapi ada ketikanya kita boleh mempertahankannya, ada ketika pula perlu bertolak ansur demi mencapai pembangunan. Orang Melayu di Kampung Baru di tengah bandar raya Kuala Lumpur tidak sepatutnya bermegah dengan keadaan yang wujud hari ini.

Belum nampak petanda penyelesaian isu pembangunan Kampung Baru. Adakah Kampung Baru terus terabai tidak dapat dipastikan. Apa yang nyata, kerajaan tidak lagi membangkit isu itu walaupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan pelan pembangunannya. Pada Mei 1992, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pembatalan projek pembangunan Kampung Baru selepas kos nilai pampasan meningkat RM414.18 juta berbanding RM66 juta sebelum diwartakan selain masalah pemilikan tanah bertindih yang masih belum diselesaikan.

Bagaimanapun, kerajaan tidak akan lepas tangan dalam pembangunan Kampung Baru berkenaan dan mahukan penduduk dan pemaju mencapai persetujuan yang menguntungkan kedua-dua pihak. Dalam pelan pembangunan itu, penduduk terbabit diberi kebebasan sama ada mengendalikannya secara usaha sama atau meminta pampasan dengan beberapa syarat tertentu. Namun pihak terbabit perlu mematuhi pelan pembangunan yang disediakan demi untuk memastikan corak pembangunan sejajar dengan imej ibu kota menjelang alaf baru.

Setiausaha Kehormat Lembaga Pentadbiran Kampung Baru, Salleh Mohd Said, 72, berkata pemilik tanah sememangnya inginkan pembangunan teratur dilaksanakan melalui sebuah konsortium tanpa menghapuskan identiti bangsa Melayu. Kampung Baru ialah satu-satunya kampung asal Melayu di tengah ibu kota. Beliau mahukan sebahagian besar daripada Kampung Baru diperuntukkan bagi pembinaan perumahan dan kediaman orang Melayu manakala selebihnya

bagi projek komersil.

Pembangunan itu akan menguntungkan orang Melayu kerana lebih banyak kediaman akan didirikan di kawasan strategik yang berupaya menampung pertambahan penduduk di kawasan itu. Kaum bukan Melayu pula dibenarkan menjalankan perniagaan mereka dengan menyewa lot komersil. Pembangunan di kawasan ini nanti akan memberi perseimbangan kaum serta meningkatkan kuasa ekonomi orang Melayu di ibu kota.

Salleh bersetuju wajah Kampung Baru perlu diubah selari dengan pembangunan di kawasan sekelilingnya. Penduduk amat berharap kerajaan membabitkan diri dalam pembangunan Kampung Baru untuk melindungi kepentingan mereka. Beliau mahukan penduduk Kampung baru menikmati pembangunan di tempat lahir mereka.

Seorang anak watan Kampung Baru, Ismail Bajuri, mahukan penduduk menjadi pemegang saham dalam projek pembangunan kampung itu. "Tidak semua pemilik tanah mahukan wang tunai sebagai pampasan kerana mereka mahu tanah yang dimiliki sekarang kekal sebagai satu aset walaupun sudah dimajukan," katanya.

Beliau ingin memperoleh sekurang-kurangnya satu unit rumah serta ditawarkan sebahagian daripada keuntungan sewa atau jualan unit rumah kedai atau kondominium yang dibina. Oleh itu, katanya, tidaklah timbul masalah orang Melayu tidak lagi tinggal di Kampung Baru atau tidak mampu membeli rumah yang siap kelak. Cuma perancangannya mestilah betul dan penduduk perlu diberi penerangan yang jelas. "Jika Dr Mahathir berasa malu melihat keadaan Kampung Baru, apatah lagi kita penduduk atau pemilik tanah di kampung itu. Ramai ahli korporat Melayu yang berasal dari Kampung Baru kini sudah mampu menerajui pembangunan kampung ini," katanya.

Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Prof Madya Dr Mohd Razali Agus, berkata orang Melayu di Kampung Baru, Datuk Keramat dan Kampung Pandan perlu mengubah corak kehidupan mereka selari dengan arus pembangunan yang begitu pesat di ibu kota. "Kalau kita perhatikan keadaan rumah di Kampung Baru, ia menunjukkan satu pemandangan yang tidak menarik berbanding kawasan sekeliling yang sedang pesat membangun. Adakah ini yang patut kita tonjolkan kepada dunia bahawa Kuala Lumpur sedang pesat membangun dan menuju era teknologi maklumat?" katanya.

Beliau berkata, orang Melayu perkampungan Melayu di ibu kota mesti bekerjasama dengan kerajaan bagi memajukan kawasan itu. Kerajaan pula perlu melaksanakan satu pelan perancangan yang menyeluruh bagi kampung Melayu di ibu kota. Bagi meyakinkan orang Melayu di kawasan itu, katanya, mereka patut mendapat keuntungan daripada pembangunan melalui pegangan saham milik bersama pemaaju.

"Identiti Melayu perlu dikekalkan seperti mewujudkan restoran makanan Melayu, kedai pakaian tradisional Melayu atau apa sahaja yang melambangkan kesenian orang Melayu selain perniagaan lain. Kampung Baru boleh menjadi pusat penyelidikan sejagat mengenai budaya bangsa Melayu sendiri," katanya.

Sesungguhnya perkampungan Melayu di ibu kota wujud dalam ruang lingkup pemodenan dan kematangan Melayu menjelang alaf ke-21. Orang Melayu di ibu kota berada di ambang masyarakat industri dan celik teknologi maklumat. Oleh itu, ia memerlukan pengorbanan orang Melayu dalam menyerap diri mereka dalam arus pembangunan. Perkampungan Melayu di ibu kota memang wajar dibangunkan semula dalam kerangka arus perdana pembangunan dengan mengekalkan identiti dan hak milik bangsa.

(END)